

Terminal baru bas masih lenggang

Kedai belum operasi kerana pengunjung tak ramai

B/H 6/1/2011 MS 2.

Oleh Halina Mohd Noor

halina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sudah lima hari dibuka, suasana di Terminal Bersepadu Selatan-Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS) masih lagi lenggang.

Tinjauan jam 4 petang semalam mendapati ruang pelepasan dan ketibaan masih kosong dan hanya selang sejam ada sebuah bas saja yang memasuki ruang berkenaan untuk mengambil seorang atau dua orang penumpang.

Kebanyakan kedai membeli-belah dan medan selera juga didapati belum beroperasi disebabkan pengunjung yang tidak begitu ramai.

Daripada 51 pengusaha bas, lapan syarikat bas saja yang sudah menjalankan operasi di terminal berkenaan. Itupun kerana caj memasuki kawasan berkenaan masih belum dikuatkuasakan pihak TBS.

Pengusaha bas yang dihubungi berharap pihak pengurusan dapat mengenakan caj berpatutan bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pihak mereka termasuk pengguna.



TERMINAL Bersepadu Selatan masih lenggang sejak dibuka minggu lalu.

Pengurus Bas Cepat, Abu Hurairah Abu Hanipah, berharap pihak TBS dapat mempertimbangkan semula harga sewa agak tinggi dikenakan seperti dicadangkan sebelum ini.

“Caj tinggi hanya membebaskan pengusaha dan mungkin penumpang ter-

paksa dikenakan tambang lebih mahal daripada harga sedia ada. Sewa berpatutan dapat membantu pengusaha bas memperoleh sedikit keuntungan.

“Kami juga memuji usaha TBS mengenakan kawalan ketat bagi membanteras ulat tiket daripada menembusi

terminal ini. Diharapkan ia diteruskan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna,” katanya.

TBS mengenakan syarat menunjukkan MyKad atau pasport untuk membeli tiket bas, selain memastikan hanya pemilik tiket boleh menaiki bas dengan memeriksa tiket

“Caj tinggi hanya membebaskan pengusaha dan mungkin penumpang terpaksa dikenakan tambang lebih mahal”

**Abu Hurairah
Abu Hanipah**
Pengurus Bas Cepat

sebelum penumpang menaiki bas.

Kebimbangan mengenai gangguan ulat tiket lahir berdasarkan keadaan di terminal Bukit Jalil dan Puduraya sebelum ini yang dipenuhi ulat tiket hingga mengganggu ketenteraman operasi, selain merugikan pengusaha berlesen.

Sementara itu, Pengarah Urusan Maju TMs Sdn Bhd, Roslan Shariff ketika dihubungi berkata, segala permasalahan berkaitan sewa di TBS-BTS perlu diselesaikan secara baik melalui pertemuan kedua hari ini.